

Isi tempat kosong dengan kata imbuhan awalan.

mengutip

mengajak

merakam

menunggu

mengambil

Saya dan keluarga pulang ke kampung. Kami pulang dengan menaiki kereta. Selepas tiga jam perjalanan, kami tiba di kampung datuk dan nenek. Datuk dan nenek **(1)** _____ kami dengan wajah ceria. Selepas berehat, datuk **(2)** _____ kami mandi-manda di air terjun.

Pada keesokan hari, kami ke kebun buah-buahan. Kami **(3)** _____ buah rambutan yang dikait oleh datuk. Kemudian, datuk membawa kami ke sawah padi. Kami **(4)** _____ kesempatan **(5)** _____ gambar. Pemandangan di sawah padi sangat cantik kerana padi sedang menguning.